

# Pameran harta tanah sasar jualan RM15.5 juta

**KUALA LUMPUR** - Cityscape menasarkan jualan harta tanah bernilai RM15.5 juta yang bakal disumbangkan melalui pameran pelaburan dan pembangunan harta tanah di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 4 hingga 6 Februari ini.

Pameran selama tiga hari itu akan disertai oleh pemaju harta tanah, pelabur persendirian, firma arkitek, perunding dan penyedia penyelesaian harta tanah.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, objektif pengajuran pameran harta tanah

terkenal itu adalah untuk merapatkan jurang dengan pemegang kepentingan di samping memudahkan jaringan perniagaan.

Turut dipamerkan ialah projek pembangunan harta tanah utama dan pelancaran projek harta tanah tempatan serta luar negara seperti

Angsana Teluk Bahang iaitu pembangunan unit kediaman mewah tepi pantai di Pulau Pinang oleh pemaju harta tanah Senja Aman.

Ia melibatkan pemaju projek harta tanah besar antaranya Angsana Teluk Bahang, Aseana Properties, BRDB Developments, Eco World

Malaysia, Ireka Corporation, Island Properties Group, Low Yat Group, SP Setia, See Hoy Chan, Tia Hong Holdings dan UEM Sunrice.

Lebih menarik, buat pertama kalinya di Malaysia, Cityscape akan menganjurkan Forum Kewangan Hartanah Islam yang mana ia bakal melibatkan penyertaan seramai 150 orang dari syarikat awam dan swasta.

Pengunjung juga dapat melihat hasil kerja seni bina firma seni reka antarabangsa seperti Spark Architects dan Veritas Design Group yang pernah memenangi beberapa anugerah ikonik antarabangsa.



SALAH satu projek harta tanah yang akan ditawarkan pada pameran yang bakal berlangsung di KLCC bermula 4 Februari ini.